

# Sekretariat Perantau Anak Pahang tangkis maklumat tidak tepat

Pejabat dibuka di WTC boleh dikunjungi bagi dapat penerangan dasar, bantuan kerajaan negeri

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penubuhan Sekretariat Perantau Anak Pahang bulan lalu menjadi platform penting kepada kerajaan negeri dalam memperluas penyampaian maklumat berkaitan inisiatif dan bantuan, disamping ruang bagi menjawab serta menangkis tohmahan terhadap pentadbiran negeri.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata pejabat sekretariat itu yang dibuka di Menara Dato' Onn Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, boleh dikunjungi sepihaka saja, khususnya anak Pahang yang ingin mendapatkan maklumat dan penerangan berkaitan dasar serta inisiatif diumumkan kerajaan negeri.

Beliau berkata, ketika ini terdapat lebih 92,000 rakyat yang berasal dari Pahang menetap dan bekerja di Lembah Klang.

"Ramai anak Pahang ada di Kuala Lumpur. Lebih kurang 92,000 anak Pahang berada di sekitar Lembah Klang. Ini pertama kali kita tubuhkan Sekretariat Perantau Anak Pahang iaitu pada 5 Januari yang lalu dan program hari ini (semalam) adalah anjuran mereka.

"Bila tubuh sekretariat ini, kita sediakan tempat untuk mereka berjumpa atau berdaftar iaitu bila kita adakan program, untuk mudah mereka berurus, berbanding sebelum ini. Pejabat sekretariat ini ada di tingkat enam WTC. Anak pahang sekiranya ada urusan boleh berkunjung ke pejabat sekretariat ini," katanya ditemui media selepas menyempurnakan pelepasan acara Larian Tok Gajah Kuala Lumpur 2024 di pekarangan Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semalam.

Lebih 2,000 peserta termasuk anak-anak Pahang menyertai acara larian santai ini yang bermula jam 7 pagi, menerusi dua kategori acara iaitu sejauh lima kilometer (km) dan tujuh kilometer.

Mengulas lanjut, Wan Rosdy berkata, pelbagai inisiatif bantuan, selain pencapaian pentadbiran negeri yang diumumkan sebelum ini sering menjadi bahan manipulasi pihak tertentu.

"Contohnya tahun ini, bagi anak Pahang yang menuaikan haji, kita bagi RM750, sebelum itu kita bagi RM500. Kemudian



Wan Rosdy menyempurnakan pelepasan acara Larian Tok Gajah Kuala Lumpur 2024 di pekarangan Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto BERNAMA)

untuk mahasiswa tahun lepas kita bagi RM300, tahun ini kita naikkan kepada RM400. Ini maklumat itu tepat.

"Sebelum ini kerajaan negeri umumkan kita berjaya menurunkan hutang dari RM3.3 bilion kepada RM952 juta dan pihak sebelah sana (pembangkang) seolah-olah menafikan, tidak percaya dan menyatakan Menteri Besar menipu. Tapi itulah hakikatnya, angka tidak berbohong," katanya.

## Usah keliru dengan persepsi

Justeru itu kata beliau, peranan Sekretariat Perantau Anak Pahang penting dalam memastikan maklumat yang diperoleh oleh rakyat Pahang khususnya yang berada di luar negeri mestilah dari sumber sahih dan maklumatnya tepat.

"Kita (kerajaan negeri) boleh berikan maklumat yang tepat dan anak Pahang tidak lagi keliru dengan mainan persepsi dan sentimen serta fitnah ini.

Sebab kita tahu, sekarang ini permainan persepsi begitu kuat.

"Maklumat tepat ini kita beri menerusi pelbagai platform dan saluran termasuklah di media sosial juga. Anak Pahang ini kadang-kadang senang dapatkan maklumat tepat, dengan dia merujuk kepada media, ada juga yang berkunjung ke mana-mana jabatan untuk dapatkan penerangan lebih jelas," katanya.